

11/09/2002

PM bimbang Melayu tidak minat kuasai kemahiran

Magendran Rajagopal

BANGI, Selasa - Bumiputera perlu mempunyai kecekapan, kesanggupan dan keinginan untuk mengejar ilmu serta kemahiran tertentu jika mahu jurang perbezaan antara mereka dan bukan Bumiputera dirapatkan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang menyuarakan kebimbangan kerana tidak ramai Bumiputera berminat menguasai kemahiran berkata, mereka sebenarnya tiada sebarang kekurangan asalkan sanggup mempelajari sesuatu dan melakukannya berulang kali.

"Yang menjadi masalah ialah jumlah Bumiputera tidak begitu ramai berminat untuk menguasai kemahiran sedangkan menguasai kemahiran ini membolehkan mereka menolong membangunkan kaum mereka setaraf dengan kaum lain.

"Bumiputera harus mengikis tanggapan kalau ada sesuatu membabitkan benda mekanikal, ia tak mungkin dibuat orang Melayu atau Bumiputera lain kerana mereka tidak mampu menguasai kecekapan terbabit," katanya ketika merasmikan Institut Malaysia Perancis (MFI), di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamad Khir Toyo; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Pengerusi MFI, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff.

MFI ditubuhkan menerusi kerjasama kerajaan Malaysia yang diwakili Mara dan kerajaan Perancis menerusi wakilnya, Bocard/AFPI dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM-6). Projek usaha sama itu dimeterai melalui satu perjanjian protokol pada 15 Disember 1992 diikuti Perjanjian Latihan pada 31 Disember 1993.

Berdasarkan perjanjian itu, Malaysia menerima pinjaman mudah RM50 juta bagi membiayai sebahagian perbelanjaan peralatan, kepakaran dan perkhidmatan manakala kerajaan sendiri mengeluarkan hampir RM130 juta bagi membiaya pelbagai operasi lain.

Institut kemahiran itu menawarkan tiga kursus, termasuk program teknologi tinggi bertaraf diploma serta ijazah, program sambilan serta latihan jangka pendek dan mengendalikan projek teknikal, pembangunan dan latihan khas kepada sektor industri yang berminat.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu negara maju dan rakyatnya tahu menggunakan kemajuan yang dikecapi itu. Bagaimanapun, mungkin ramai Bumiputera tidak dapat menikmati kehidupan lebih baik dalam negara maju kerana mereka tidak mempunyai kebolehan.

"Untuk ini kerajaan sedia membelanjakan wang yang banyak, mengadakan pusat latihan tetapi hanya dengan pusat latihan saja tidak mencukupi jika tidak ada minat di kalangan Bumiputera untuk menikmati kemudahan kemajuan," katanya.

Perdana Menteri berkata, institut seperti MFI itu bertujuan meningkatkan lagi kemahiran Bumiputera, khususnya dalam bidang yang penting sekarang seperti kejuruteraan ketepatan tinggi.

Kerajaan, katanya, terpaksa mendapatkan kerjasama negara lain untuk meningkatkan keupayaan rakyat, khususnya Bumiputera dalam bidang itu kerana negara belum lagi mempunyai kecekapan.

Beliau juga menjelaskan, bagi mengurangkan jurang antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, kerajaan menubuhkan Majlis Amanah Rakyat (Mara) yang berfungsi untuk membangunkan Bumiputera.

Sejurus selepas Malaysia merdeka, kerajaan mendapati jurang kemahiran dan kebolehan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera begitu ketara sekali.

"Jurang perbezaan ini menyebabkan Bumiputera menganggap tugas-tugas tertentu hanya boleh dibuat oleh bukan Bumiputera. Oleh itu, bila sesuatu perlu dibuat, yang memerlukan kecekapan mekanikal ataupun kecekapan bercorak teknikal, biasanya bukan Bumiputera dipanggil.

"Ini satu pendapat yang silap kerana manusia mana pun, kalau diberi latihan dan dikehendaki membuat sesuatu berulang-kali, tak dapat tidak mereka akan jadi cekap," katanya.